

**ADA ANGGOTA KOMANWEL SENDIRI  
MENGAMALKAN SIKAP DISKRIMINASI**

**PM tegur**

UM 7 JAN 1987

**negara hanya  
pandai kutuk**

*Renungan*

BARANGSIAPA bertaqwa kepada Allah, Allah akan memudahkan segala urusannya.  
Maksud Al-Quran surah At-Talaq 4.

**KUALA LUMPUR 6 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap sebilangan negara anggota Komanwel yang hanya pandai mengutuk diskriminasi di negara - negara lain sedangkan mereka sendiri mengamalkannya.**

Negara-negara itu juga, katanya, menuntut hak untuk kaum minoriti di lain-lain negara tetapi mereka tidak bersedia memberikan hak itu kepada kumpulan minoriti di negara - negara mereka sendiri.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, negara - negara berkenaan juga terus - menerus menghasut dan menggalakkan kumpulan minoriti sesebuah negara mencetuskan bantahan dan kekacauan.

"Jika Komanwel mahu selamat dan mengekalkan peranannya, sikap setengah negara anggotanya ini mesti diubah dengan secepat mungkin. Kalau tidak kita patut mengisytiharkannya sebagai sebuah kelab sosial bekas - bekas tanah jajahan yang bertutur bahasa Inggeris," tegasnya.

Berucap merasmikan mesyuarat Jawatankuasa Tetap Sidang Speaker Parlimen Komanwel di bangunan Parlimen di sini, Perdana Menteri juga mahukan negara - negara anggota pengasas pertubuhan itu menunjukkan keyakinan mereka terhadap keutuhan pertubuhan itu. Negara - negara pengasas Komanwel, tegasnya tidak patut menyisihkan pertubuhan itu apabila ia memalukan mereka atau menghalang kepentingan ekonomi mereka.

"Jika negara - negara pengasas Komanwel berbuat demikian, tidaklah wajar mereka mengharapkan anggota - anggota baru pertubuhan itu mendokong cita-cita tinggi dan semangat Komanwel," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Beliau juga berkata, sikap setengah anggota kanan Komanwel yang sering menimbulkan khayalan menyebabkan Malaysia mengkaji keanggotaannya dalam pertubuhan itu.

Perdana Menteri juga mengingatkan Komanwel supaya mengubahsuaikan dirinya dengan perubahan alam sekitar kerana jika tidak, pertubuhan itu akan hilang kredibiliti dan keberkesananannya.

Jelas beliau, dunia sekarang berhadapan dengan masalah - masalah rumit dan pelbagai - bagai, umpamanya konsep keadilan yang diperjuangkan oleh pemikir - pemikir awal telah banyak berubah kerana ada kuasa yang lebih kuat melahirkan pandangan - pandangan mereka.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, konsep dan amalan perdagangan bebas seperti yang difahami oleh negara - negara sedang membangun telah dihancurkan oleh pendokong - pendokong asalnya.

Tegasnya, ekonomi negara - negara sedang membangun bukan sahaja terletak pada belas kasihan gergasi-gergasi perindustrian tetapi kedudukan ekonomi negara - negara berkenaan juga hampir musnah oleh negara - negara kaya.

Beliau juga menyelar negara - negara perindustrian yang sengaja mengamalkan dasar perlindungan untuk menyekat negara - negara sedang membangun dari mengeksport barangan mereka.

Dari masa kesemasa, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, negara - negara maju itu mengenakan pelbagai sekatan dan peraturan untuk menggagalkan cubaan negara - negara sedang membangun untuk memasuki pasaran - pasaran mereka.

Komanwel, menurut Perdana Menteri, mungkin merupakan simbol tamatnya imperialisme politik tetapi ada sebab untuk mempercayai bahawa negara - negara imperialis lama telah dapat menggantikannya dengan imperialisme ekonomi.